



SEMINAR KEPENDUDUKAN NEGERI KELANTAN SEMPENA HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025

“Fenomena Penuaan Penduduk dan Kemiskinan
Dalam Kalangan Warga Emas”

19 OGOS 2025

**DEWAN KEUSAHAWANAN UMK KAMPUS KOTA,
PENGKALAN CHEPA, KELANTAN**





Disediakan oleh:

**LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA
NEGERI KELANTAN**

19 Disember 2025

Telefon : 09-7408888/ 09-7408880

Faks : 09-7408882

Email : lppknkel@lppkn.gov.my

Facebook : LPPKN Kelantan

ISI KANDUNGAN

1.0 PENDAHULUAN	4
2.0 UCAPTAMA	5
3.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA	8
Kertas Kerja 1: Fenomena Penuaan Penduduk	8
Kertas Kerja 2: Situasi Kemiskinan dan Peranan Kerajaan dalam Menanganinya	11
Kertas Kerja 3: Jenayah Kewangan: Ancaman Kepada Warga Emas	12
4.0 FORUM KEPENDUDUKAN – FENOMENA PENUAAN PENDUDUK DAN KEMISKINAN DALAM KALANGAN WARGA EMAS	15
5.0 UCAPAN ALUAN	23
6.0 UCAPAN PERASMIAN	28
7.0 CADANGAN KEPADA KERAJAAN NEGERI KELANTAN DAN PIHAK BERKEPENTINGAN	36
8.0 MAKLUM BALAS PESERTA	38

1.0 PENDAHULUAN

Negeri Kelantan kini sedang melalui satu fasa peralihan demografi yang signifikan apabila peratus penduduk berumur 60 tahun dan ke atas menunjukkan peningkatan yang konsisten. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia, peratus warga emas di Kelantan telah mencecah sekitar 11% pada tahun 2024 dan dijangka meningkat kepada 15% menjelang awal dekad 2030-an, sekali gus menandakan peralihan kepada status negeri menua. Fenomena ini berlaku seiring dengan penurunan kadar kesuburan, peningkatan jangka hayat penduduk serta perubahan struktur sosial dan ekonomi masyarakat.

Peralihan ini membawa implikasi besar terhadap kesejahteraan sosial, ekonomi negeri, pasaran tenaga kerja serta sistem sokongan sosial dan kesihatan. Lebih membimbangkan, sebahagian besar warga emas di Kelantan tergolong dalam kumpulan berpendapatan rendah, bekerja sendiri atau sektor tidak formal, serta tidak dilindungi oleh skim pencen atau simpanan persaraan yang mencukupi. Keadaan ini meningkatkan risiko kemiskinan, kesunyian sosial, kebergantungan kepada bantuan kerajaan dan pendedahan kepada jenayah kewangan.

Sehubungan itu, hasil dapatan, pembentangan kertas kerja dan perbincangan panel dalam Seminar Kependudukan Negeri Kelantan 2025 menegaskan keperluan mendesak untuk Kerajaan Negeri Kelantan merangka pendekatan yang lebih holistik, bersepadu dan berpandangan jauh dalam menangani isu penuaan penduduk dan kemiskinan warga emas. Pendekatan ini perlu melibatkan kerjasama strategik antara kerajaan negeri dan persekutuan, institusi akademik, pihak swasta, NGO serta komuniti setempat agar kesejahteraan warga emas dapat dipelihara secara bermaruah, inklusif dan lestari.

2.0 UCAPTAMA



Ucaptive yang disampaikan oleh Pengarah InsPeK menyatakan populasi warga emas telah meningkat secara konsisten. Peningkatan berlaku dari 2% meningkat ke 7.74% pada tahun 1960 hingga 2024, menunjukkan berlakunya proses penuaan penduduk yang ketara di Malaysia. Beliau telah berkongsi fenomena penuaan penduduk yang telah berlaku di Jepun, di mana berlakunya peningkatan

warga emas yang sangat ketara. Kini, Jepun telah mencapai status negara tua dengan memiliki populasi 35% penduduk yang berumur 65 tahun ke atas. Jepun juga telah mengisytiharkan pada 2025, mempunyai seramai 10,000 penduduk yang berumur 100 tahun ke atas. Trend peningkatan populasi warga ini semestinya akan memberikan implikasi dari sudut dasar kesihatan, perlindungan sosial dan kelangsungan berkaitan tenaga kerja. Ringkasnya, rancangan jangka panjang diperlukan bagi memenuhi keperluan penduduk warga emas yang semakin meningkat. Menurutny lagi, Malaysia dijangka menjadi negara tua menjelang 2030 dengan jangkauan pertambahan sebanyak 15% penduduk yang berumur 60 tahun ke atas. Kadar penuaan populasi di Malaysia meningkat berganda dalam tempoh masa 28 tahun. Ia berbeza dengan negara Sweden yang mengambil masa selama 112 tahun untuk mencapai kadar penuaan yang sama. Data jangka hayat pada 2023 menunjukkan angka 74.3 merupakan umur purata rakyat Malaysia yang mana angka 71.8 tahun merupakan umur purata bagi rakyat Malaysia lelaki dan 77.2 tahun merupakan umur purata bagi rakyat Malaysia wanita. 6.7% warga emas di Malaysia juga merupakan KIR miskin. 0.2% miskin tegar, 6.5% miskin dan 42% insiden kemiskinan relatif (KIR 65 tahun ke atas).

Melalui ucapnama tersebut, beliau turut menyentuh berkaitan persiapan persaraan warga emas, 71% ahli KWSP berumur 55 tahun ke bawah tidak mempunyai simpanan mencukupi untuk bersara melebihi paras kemiskinan. 6.7 juta atau 51% ahli KWSP hanya mempunyai simpanan kurang daripada RM10,000.00 bersamaan dengan kurang RM42 sebulan untuk tempoh persaraan selama 20 tahun. 75% pesara pula menghabiskan simpanan KWSP dalam 3-5 tahun selepas bersara. Keadaan ini menunjukkan ramai warga emas terpaksa terus bekerja atau bergantung kepada anak-anak, keluarga, sahabat dan bantuan kerajaan kerana tiada simpanan persaraan.

Beliau menyarankan beberapa intervensi awal perlu dibuat bagi mengatasi isu kemiskinan warga emas termasuklah aspek kewangan dan pencen, perkhidmatan sosial, perumahan dan penempatan, kesihatan dan perniagaan, pekerjaan dan ekonomi dan tidak ketinggalan dasar dan undang-undang.



Majlis Perasmian

SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA PERINGKAT NEGERI KELANTAN TAHUN 2025:

FENOMENA PENUAAN PENDUDUK DAN KEMISKINAN
DALAM KALANGAN WARGA EMAS

Dirasmikan oleh:

YBrs. Prof. Ir. Ts. Dr. Arham bin Abdullah

NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



Selasa, 19 Ogos 2025 bersamaan 25 Safar 1447H
DEWAN KEUSAHAWANAN UMK KAMPUS KOTA, PENGKALAN CHEPA, KELANTAN.



3.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

Terdapat 3 kertas kerja yang dibentangkan iaitu:

Kertas Kerja 1: Fenomena Penuaan Penduduk

Oleh Encik Rozi bin Muda (Perangkawan, LPPKN Kelantan)

Terdapat 3 topik yang dibentangkan:

1. Senario Demografi Semasa Dunia

- Berdasarkan Perhimpunan Dunia Mengenai Penuaan di Vienna (PBB, 1982), warga emas ditakrifkan sebagai individu yang berumur 60 tahun ke atas. Takrif ini turut digunakan dalam merangka Dasar Warga Emas Negara di Malaysia. Takrif ini turut digunakan oleh negara-negara ASEAN, kecuali Singapura. Istilah warga emas digunakan bagi individu berumur 60 ke atas manakala warga tua digunakan untuk individu berumur 65 tahun ke atas.
- Faktor dan Kesan Penuaan Penduduk:
 - a) Penurunan TFR (Kadar Kesuburan Jumlah) Tempoh penuaan penduduk yang pantas
 - b) Penguncupan tenaga kerja
 - c) Pengakhiran demografi dividen
 - d) Tekanan kepada perbelanjaan kesihatan
- Dahulunya, negara China mempunyai jumlah penduduk yang paling ramai di dunia, tapi kini, kerana kesan penurunan kadar kesuburan yang menurun dengan cepat, kedudukannya telah pun dipintas oleh India.
- Di beberapa negara di Eropah turut diperhatikan apabila kadar kesuburan juga telah menurun, menyebabkan berlakunya proses penuaan penduduk.
- Masyarakat di Jepun yang “*super aged*” adalah seramai 28.7% yang mana penduduknya berusia 65 tahun ke atas dengan golongan wanita lebih dominan. Dijangka menjelang tahun 2036, 1/3 warga tua mewakili jumlah penduduk Jepun

- Thailand juga telah mengalami status negara tua dan perlu kos yang tinggi.
- Berdasarkan keadaan semasa, bilangan penduduk Malaysia dijangka tidak akan mencapai angka 70 juta seperti yang pernah dijangkakan. Malahan, hanya sekitar 40-45 juta pada tahun 2040-2050 dan jumlah penduduk Malaysia akan mula berkurang.
- Kajian Semula Dasar Kependudukan Negara yang diadakan oleh LPPKN pada tahun 2017 telah menggariskan 7 cabaran utama kependudukan iaitu:
 - a) Penurunan kadar keseluruhan yang pesat mempercepatkan proses penuaan negara
 - b) Negara akan berpotensi untuk mengalami penguncupan penduduk menjelang tahun 2072
 - c) Negara dijangka mencapai status “negara tua” menjelang tahun 2023
 - d) Proses penuaan yang pesat akan menjadi cabaran sekiranya pendapatan negara tidak mencukupi
 - e) Negara akan mengalami penguncupan tenaga buruh
 - f) Produktiviti tinggi perlu menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara selepas tahun 2027
 - g) Intervensi untuk menghentikan penurunan kadar kesuburan perlu dilakukan.

Sekiranya negara sudah menua, kos yang tinggi, dengan jumlah tenaga buruh yang rendah (penguncupan tenaga buruh), Malaysia akan sukar untuk berkembang. Program khas diperlukan untuk meningkatkan kadar kesuburan penduduk.



Penuaan Penduduk di Malaysia

- Penuaan penduduk di Malaysia semakin meningkat saban tahun dan keperluan penduduk semakin berkurang.
- Piramid penduduk (berdasarkan slaid) bilangan penduduk berubah, warga tua lebih ramai berbanding warga muda.
- Pada tahun 50an bilangan anak lebih kurang 8-10 orang, namun kini data pada tahun 2013, menunjukkan tahap kesuburan berada di bawah paras penggantian. Paras penggantian bermaksud, bilangan anak boleh menggantikan ibu bapa.
- Penurunan kadar kelahiran (CBR) di Malaysia menunjukkan penurunan yang drastik sejak dari tahun 2000 dan kejatuhan kadar kelahiran mampu mendorong untuk mempercepat status negara tua.
- Menurut jangkaan LPPKN, bilangan kelahiran hidup bertambah semasa dan selepas tempoh pelaksanaan PKP bertambah meleset kerana bukan kuantiti masa bersama yang memberi sumbangan, tetapi kualiti bersama yang

menjadi lompang dan gesaan kepada LPPKN mencari solusi bagi meningkatkan perhubungan yang baik antara pasangan bagi memberi sumbangan kepada pertambahan kadar kelahiran penduduk.

- Semasa PKP, ramai golongan warga tua yang meninggal, memberi kesan lekuk penurunan kepada peningkatan penduduk berumur 60 tahun dan ke atas.

Kertas Kerja 2: Situasi Kemiskinan dan Peranan Kerajaan dalam Menanganinya

Oleh YBr. Tuan Haji Jasri bin Kasim (Pengarah, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan (ICU JPM))

- Paparan data statistik jumlah keseluruhan nasional mencatatkan 295,706 KIR, meliputi 295,256 KIR miskin dan 450 miskin tegar.
- Kelantan mendominasi populasi miskin di Malaysia dan berada di tangga ke-2 tertinggi di Malaysia selepas Sabah.
- Wujud golongan warga emas yang terdiri dalam kalangan miskin, sebatang kara dan tidak mempunyai pendapatan, dan menyara kehidupan dengan bantuan RM2000 sebulan. .
- Terdapat juga penjawat awam yang terkategori dalam kategori miskin. Begitu juga ramai golongan muda dalam kategori miskin.
- Terdapat 7 kaedah yang digunakan oleh Kerajaan untuk menangani kemiskinan iaitu;
 - a) Dasar/ polisi.
 - b) Bantuan melalui kewangan zakat dan aspek kebajikan.
 - c) Perlindungan sosial seperti skim insurans kesejahteraan.
 - d) Pekerjaan melalui medium *MyFuture Job*.
 - e) Peningkatan Pendapatan melalui IPR dan PPP.
 - f) Pendidikan dan Pembangunan modal insan melalui modal insan seperti kelas tuisyen, pemberian peranti MADANI dan pemeraksanaan TVET.
 - g) Penambahbaikan infrastruktur seperti perumahan PPR termasuk membina baru rumah dan pembaikan rumah rakyat.

- ICU JPPM telah memperkenalkan inisiatif kesejahteraan rakyat Malaysia MADANI. Inisiatif ini akan diperkasakan dengan sumbangan RM120 juta daripada Syarikat swasta:
 - a) Peningkatan pendapatan
 - b) Pendidikan
 - c) Perumahan
 - d) Kebajikan
- Tambahnya di Jepun, terdapat inisiatif khas disediakan supaya warga emas dihantar ke rumah jagaan warga emas untuk dijaga oleh *caretaker* yang berpengalaman, tinggal secara sejahtera tanpa wujud prejudis dalam hubungan kekeluargaan.



Kertas Kerja 3: Jenayah Kewangan: Ancaman Kepada Warga Emas

Oleh YBrs. Prof Madya Dr. Azwan bin Abdullah (Ketua Bahagian Jaringan dan Data Raya, Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK))

- Berdasarkan data Januari sehingga Ogos 2024 sahaja, daripada 21,535 kes penipuan yang berlaku, sebanyak 1916 (8.9%) kes melibatkan mangsa dalam kalangan warga emas.
- Trend pada tahun 2021-2023 menunjukkan peningkatan mangsa seramai 5,533 (6.4%) warga emas daripada 86,266 mangsa penipuan dalam talian.
- Kebanyakan mangsa terjebak dalam elemen *love scam yang merangkumi* seramai 173 warga emas, dan 582 mangsa adalah wanita.
- Dalam tempoh 24 jam, terdapat sebanyak 8 kes yang berlaku, melibatkan mangsa adalah warga emas.
- Jenis jenayah kewangan 1) Scam telefon – menyamar sebagai pegawai polis/ bank 2) Penipuan pelaburan = pelaburan palsu (emas, hartanah, saham) skim cepat kaya 3) Ancaman digital – klik pautan merbahaya muat turun aplikasi.
- Modus operandi jenayah kewangan 1) Manipulasi emosi melalui telefon/ surat 2) Guna data peribadi untuk menyamar 3) Guna nombor atau logo palsu (*spoofing*). 4) Taktik desakan masa: ‘cepat, jika tidak akan disaman.
- Kejuruteraan sosial juga terlibat iaitu teknik yang digunakan penjenayah untuk memanipulasi mangsa, memberikan maklumat peribadi atau akses kepada sistem, tidak menyerang computer. Elemen: 1) *Pre-texting* – senario rekaan untuk mendapatkan maklumat 2) *Phishing* – hantar e-mel palsu untuk memperdaya mangsa 3) *Baiting* – fail berniat jahat untuk memperdaya mangsa.
- Sorotan kes melibatkan 1916 kes penipuan dalam talian. Pada tahun 2021-2023 hampir 5533 mangsa scam terdiri daripada warga emas. Pada tahun 2024, melibatkan kes jenayah *love scam* dalam kalangan warga emas yang kehilangan wang disebabkan terpedaya dengan buah hati yang tidak wujud. Individu yang terlibat dalam *love scam* ini merupakan individu yang keseorangan dan melibatkan warga emas dalam jenayah cinta rekaan.
- Punca warga emas menjadi sasaran:
 1. Kurang Celik digital dan mudah percaya
 2. Bersendirian atau sunyi dalam pengawasan
 3. Kurang pengetahuan tentang hak kewangan atau cara membuat laporan
- Kesan terhadap mangsa:
 1. Hilang wang persaraan
 2. Tekanan emosi dan malu atau trauma

3. Hilang keyakinan terhadap institusi kewangan
 4. Beban kewangan kepada keluarga
- Langkah pencegahan:
 1. Laporkan terus ke 997 (Pusat Respons Scam Kebangsaan)
 2. Laporkan kepada bank
 3. Laporkan kepada balai polis
 - Jenayah kewangan bukan sekadar kehilangan wang tetapi maruah dan ketenangan hidup. Setiap orang bertanggungjawab untuk melindungi warga emas berdasarkan slogan “lindungi mereka yang pernah menjaga kita”. Kita juga disarankan untuk memberi perhatian, memberi amaran dan sokong kepada warga emas.



4.0 FORUM KEPENDUDUKAN – FENOMENA PENUAAN PENDUDUK DAN KEMISKINAN DALAM KALANGAN WARGA EMAS

Moderator:

YBrs. Prof. Madya Dr. Derweanna binti Bah Simpong, Ketua Bahagian Penyelidikan, InsPeK UMK

Panel 1:

YBrs. Dr, Noor Hisham bin Md Nawi (Pengarah Pusat Pemikiran Keamanan dan Kesejahteraan Insan, Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, UMK, Bachok

Panel 2:

YM Tengku Ismariza bin Tuan Ismail, Ketua Cawangan KWSP Kota Bharu

Panel 3:

YBrs. Puan Siti Nor Hasma binti Mat Isa, Timbalan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan.

Moderator memulakan bicara dan memperkenalkan barisan para panel.



PUSINGAN 1: FOKUS ISU DAN CABARAN SEMASA

Soalan: Dari perspektif kesejahteraan insan, apakah implikasi fenomena penuaan penduduk terhadap kestabilan sosial dan kesejahteraan masyarakat di Malaysia?

Panel 1:

- Panel 1 memulakan bicara dengan kupasan ayat al-Quran dari Surah Al-Mukminun, ayat 12-14 berkaitan kejadian manusia yang kemudian dikaitkan dengan penuaan dan kesejahteraan. Menurutnya, fenomena penuaan merupakan satu fitrah. Kita perlu merancang, agar proses tersebut berlaku dengan baik, terancang dan akhirnya, perlu berakhir dengan ketenangan.
- Kesejahteraan warga emas ditekankan sebagai keamanan dan kestabilan.
- Warga Emas terbahagi kepada dua:
 - i) Warga Emas Miskin – separa upaya atau tidak berupaya. Golongan ini tidak mampu urus diri sendiri.

ii) Warga Emas Berupaya:

- Boleh menguruskan diri (ada harta, ilmu dan kesihatan)
- Warga emas yang menyumbang
- Penjagaan warga emas, apabila semakin tua semakin perlukan kos yang tinggi digunakan untuk kesihatan dan perlukan orang untuk menjaga.

Soalan: Berdasarkan data semasa, sejauh manakah simpanan persaraan rakyat Malaysia, khususnya di Kelantan, mampu menampung kos sara hidup selepas bersara?

Panel 2:

- Hanya 33% ahli KWSP dalam sektor formal (mempunyai majikan) mempunyai RM240,000 kadar simpanan asas, manakala hanya 20% sahaja ahli yang mencarum sendiri.
- KWSP menggunakan *benchmarking* 55 tahun untuk membolehkan ahli KWSP menggunakan wang RM1000 selama 20 tahun.
- Ramai bekerja sendiri di Kelantan, kos rendah, tetapi kos keperluan asas tetap sama.
- Warga emas turut terdedah kepada Inflasi jangka panjang dan masalah kesihatan
- Terdapat juga warga emas yang tidak mempunyai kediaman dan perlu menyewa. Kadar RM1000 tak mencukupi sebab ada warga emas yang masih menyewa
- Kecukupan persaraan rendah di Kelantan. *Financial literacy* paling rendah di Kelantan.
- Di negeri lain secara organik naik gaji, namun di Kelantan kebanyakannya perlu *survive* sendiri sekiranya bekerja sendiri.

Soalan: Apakah data terkini mengenai jumlah warga emas yang berada dalam kategori miskin atau memerlukan bantuan di Kelantan, serta perubahan trend dalam tempoh lima tahun kebelakangan?

Panel 3:

Trend simpanan emas di Kelantan

- Daripada jumlah 46,000 miskin tegar, seramai 10,070 individu warga emas yang merupakan penerima bantuan JKM, dengan peruntukan RM59 juta dengan kadar terkini, RM600 sebulan.
- Kategori penerima bantuan, berumur 60 tahun ke atas, bermastautin di Malaysia, tidak produktif, tinggal menumpang dan berdasarkan purata garis kemiskinan RM1198 atau purata per kapita sebanyak RM322.
- Statistik:
2020: 9434 penerima bantuan warga emas
2021: Berlaku penurunan bantuan disebabkan PKP, sekatan pergerakan. Kesan golongan emas, golongan berisiko dijangkiti dan sekatan untuk memberikan bantuan.
- 2022: 8880 penerima. Atas keprihatinan kerajaan, DOSM membuat semakan PGK. Jumlah RM1988, digunakan terkini untuk menetapkan syarat penerima bantuan.
- Kadar bantuan juga dinaikkan dari RM300 ke RM500
- Sehingga kini, jumlah penerima adalah 9070 orang.
- PGK bukan faktor pemberian bantuan, terdapat faktor lain seperti sistem sokongan sosial dan lain-lain.

PUSINGAN 2: STRATEGI DAN PENYELESAIAN

Soalan: Apakah peranan komuniti setempat, seperti masjid, surau, atau NGO, dalam menangani isu kesunyian dan pengasingan sosial warga emas miskin?

Panel 1:

- Keluarga mempunyai peranan untuk membantu warga emas, berdasarkan ayat al-Quran "*wabilwalidaini ihsaana*". Ihsan tak wajib, wajib keadilan saja. Namun hukum Tuhan menyebut bahawa ihsan wajib terhadap ibu bapa. Maksudnya, ibu bapa yang tidak menjaga anak-anak semasa kecil juga perlu dibalas dengan ihsan oleh anak-anak yang sudah dewasa.
- Peranan utama adalah tanggungjawab anak. Islam menyediakan solusi untuk menjaga warga emas melalui konsep *birrul waalidaini*, waris terdekat (adik beradik, anak saudara, jiran tetangga)
- Pondok di Kelantan sebagai salah satu bentuk sokongan sosial
- Cuma lebih ditekankan, bagi warga emas yang sihat untuk menyumbang kepada sekeliling.
- Peranan komuniti berautoriti; penghulu dan sebagainya.
- Peranan kerajaan menggubal dasar dan polisi, mengumpul data dan sebagainya.
- Peranan ini adalah peranan kita semua, keluarga terdekat, komuniti – masjid, jiran, persatuan penduduk dan boleh juga mengadakan program seperti ziarah berkala dan sebagainya.

Soalan: Apakah langkah strategik KWSP untuk menggalakkan penyertaan caruman secara konsisten oleh golongan bekerja sendiri atau sektor tidak formal?

Panel 2:

- Sektor informal dilindungi dan tak dilindungi.

- Langkah KWSP: libatkan informal pekerja (sektor tak formal) kepada caruman i-KWSP. Kerajaan bagi 20%. Maksimum RM500. Diberi manfaat seperti pencarum lain. Sekarang wujud 3 akaun: Akaun persaraan, akaun sejahtera dan akaun fleksibel.
- KWSP tak boleh keluar bersasar kerana simpanan untuk hari tua.
- Simpanan syariah juga telah mencapai dividen tinggi sebanyak 6.3%.
- KWSP juga memperkenalkan i-Suri yang berdaftar dengan e-kasih,
- Wujud juga penggerak KWSP; *mobile team* dan turut wujudkan trak KWSP di Kelantan – pasukan outreach KWSP, membuka *booth* bagi memberi penerangan tentang kelebihan KWSP.

Soalan: Adakah JKM mempertimbangkan skim sokongan yang menggabungkan bantuan kewangan dan sokongan psikososial sebagai satu pakej holistik?

Panel 3:

- Aspek psikososial sangat penting; JKM membuat lawatan ke rumah – terdapat warga emas tinggal dengan anak. Mempunyai masalah kewangan. Sokongan emosi sangat bagus tapi ada juga yang tidak sejahtera/ sebatang kara, yang tinggal jauh daripada sekeliling perlu disokong. Pemerhatian psikososial amat diteliti oleh JKM. Keperluan asas juga turut diteliti selain sokongan psikososial. Persekitaran warga emas juga turut dilihat termasuk tanggungjawab dan kesihatan warga emas.
- JKM turut merancang intervensi diperlukan terutama sokongan dari ahli keluarga. Tanggungjawab sekitar juga diperhatikan – daripada masjid, orang kampung dan sebagainya.
- JKM nak wujudkan masyarakat penyayang terutamanya terhadap warga emas. Penjagaan warga emas memerlukan masyarakat yang mengambil berat antara satu sama lain. Jika warga emas tidak mempunyai kemampuan kewangan, JKM akan cuba memberikan keperluan berdasarkan penilaian. Selain itu, terdapat juga keperluan dari sokongan agensi.

PUSINGAN 3: KOLABORASI DAN PANDANGAN MASA DEPAN

Soalan: Berdasarkan penemuan penyelidikan di UMK atau kajian antarabangsa, apakah strategi yang paling berkesan untuk membina komuniti mesra warga emas di Malaysia?

Panel 1:

- Dasar Warga Emas Mukramun. Warga emas perlu dihormati dan dapat menikmati kesejahteraan sebaiknya termasuklah:
 - i) Penjagaan kesihatan
 - ii) Warga emas perlu kongsi keilmuan dengan kehormatan
 - iii) Strategi memperkasa institusi kekeluargaan – kerana warga emas merupakan peluang tiket untuk ke syurga, peluang untuk membina keluarga yang lebih baik.
 - iv) Inisiatif hidupkan semula konsep wali, konsep keluarga besar.
 - v) Selain inisiatif perancangan bandar yang lain, perlu juga wujudkan satu kampung, satu taman contohnya.
 - vi) Pengukuhan aspek kerohanian dalam kalangan warga emas, contohnya mengutamakan *fiqh awlawiyat*, melakukan ibadah yang strategik.
 - vii) Mewujudkan kampung warga emas yang mahir IT - Transformasi warga emas.

Soalan: Adakah KWSP mempunyai kerjasama dengan sekolah atau universiti untuk memupuk kesedaran pengurusan kewangan sejak peringkat pendidikan awal?

Panel 2:

- i) Ahli KWSP boleh berdaftar umur 14 tahun. Penerapan kesedaran menabung di peringkat awal. Pelajar universiti akan memasuki industri justeru KWSP telah mengadakan pelbagai kolaborasi di pelbagai peringkat.
- ii) KWSP berinisiatif membuat pertandingan video pendek untuk mendidik masyarakat.

- iii) KWSP mewujudkan ruang interaktif dalam akaun KWSP untuk merancang kewangan masa depan bagi menarik lebih ramai lagi mencarum dengan KWSP.

Soalan: Bagaimanakah bentuk kerjasama strategik antara JKM, NGO dan komuniti setempat dapat memperkukuh kesejahteraan warga emas

Panel 3:

- i) Pusat Warga Emas – melibatkan pelbagai golongan untuk berprogram dengan warga emas. Fokus kepada 5 dimensi – kesihatan, kerohanian, interaksi dll.
- ii) Kes sebatang kara, *bed ridden* etc – lantik sukarelawan yang terlatih dengan JKM, pergi berkunjung ke warga emas
- iii) Pengangkutan JKM – van warga emas
- iv) Pemantauan di pusat jagaan warga emas
- v) Bantuan lain etc.



5.0 UCAPAN ALUAN

PENDAHULUAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah Rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam suasana penuh ilmu dan silaturahim pada tengah hari ini, sempena **Seminar Kependudukan Negeri Kelantan 2025**, yang diadakan bersempena **Hari Penduduk Sedunia 2025**.

Seminar ini dianjurkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Kelantan, sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), dengan kerjasama erat Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPek), Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Malaysia Kelantan (UMK), khususnya **Yang Berusaha Prof. Ir. Ts. Dr. Arham bin Abdullah, Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan**, atas kesudian menjalin kerjasama strategik bersama LPPKN Negeri Kelantan.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada **Yang Berusaha Prof. Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail, Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (INSPEK)** serta seluruh warga penyelidik INSPEK yang telah memberi komitmen penuh sehingga seminar ini dapat berlangsung dengan jayanya.



Kerjasama strategik seperti ini adalah pentas penting untuk memperkukuh wacana kependudukan di negeri ini, meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat terhadap isu-isu utama seperti kesuburan, kesihatan reproduktif, kekeluargaan, penuaan, kemiskinan dan pembangunan sosial.

ISU DAN CABARAN KEPENDUDUKAN NEGERI KELANTAN

Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia 2024, Kelantan dianggarkan mempunyai 1.9 juta orang penduduk dan kini sedang melalui peralihan demografi yang membawa implikasi besar terhadap masa depan negeri.

Salah satu indikator utama perubahan ini ialah Kadar Kesuburan Jumlah (KKJ) atau *Total Fertility Rate* (TFR), iaitu purata bilangan anak yang dilahirkan oleh seorang wanita dalam tempoh usia reproduktif 15 hingga 49 tahun. Dalam tempoh sedekad, TFR di Kelantan telah menurun daripada 3.6 anak pada tahun 2014 kepada 2.7 anak pada tahun 2023. Walaupun angka ini masih melepasi paras penggantian penduduk 2.1 anak, trend ini jelas memberikan isyarat bahawa Kelantan sedang menuju era penuaan penduduk.

Antara punca penurunan ini termasuk kecenderungan berkahwin lewat, kos sara hidup yang semakin tinggi, perubahan gaya hidup, dan pilihan untuk mempunyai keluarga bersaiz kecil.

Statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia turut menunjukkan bilangan perkahwinan di Kelantan menurun daripada 22,347 pada tahun 2021 kepada 16,925 pada tahun 2023. Dalam masa yang sama, umur purata perkahwinan pertama juga meningkat, daripada 28.2 tahun pada tahun 2016 kepada 29.9 tahun pada 2023 bagi lelaki, dan bagi wanita daripada 28.2 tahun kepada 30.6 tahun.

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) oleh LPPKN mendapati faktor kewangan, ketiadaan calon sesuai dan keutamaan membina kerjaya adalah antara sebab utama perkahwinan ditangguhkan. Apabila usia berkahwin meningkat, tempoh reproduktif menjadi lebih singkat, memberi kesan langsung kepada bilangan kelahiran pada masa depan.

Hadirin sekalian,

Perubahan corak demografi ini turut membawa kita kepada isu penuaan penduduk. Pada tahun 2024, 11.1% penduduk Kelantan berumur 60 tahun dan ke atas. Angka ini dijangka mencecah **15% menjelang 2032**. Ini bermakna, dalam tempoh kurang daripada satu dekad, **Kelantan akan mencapai status negeri menua**. Fenomena ini bukan sekadar angka. Ia membawa kesan besar kepada ekonomi, tenaga kerja, perancangan sosial, dan sistem kesihatan. Kita akan berdepan penyusutan tenaga kerja muda, peningkatan permintaan terhadap penjagaan warga emas, dan keperluan dasar sosial yang lebih inklusif.

Lebih membimbangkan, masih ramai warga emas di Kelantan yang hidup dalam kemiskinan, khususnya mereka yang tinggal bersendirian di kawasan luar bandar tanpa sokongan keluarga rapat. Cabaran kesihatan fizikal, mental, dan perasaan kesunyian menjadi isu yang tidak boleh dipandang ringan.

Oleh itu, kita memerlukan ekosistem sokongan yang lebih mantap, bermula daripada bantuan kewangan yang lebih berkesan, kemudahan mesra warga emas, penjagaan kesihatan jangka panjang, perumahan komuniti inklusif, hinggalah jaringan komuniti yang erat berteraskan nilai KASIH.

PENGANJURAN SEMINAR KEPENDUDUKAN NEGERI KELANTAN 2025 SEMPENA DENGAN SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025

YBrs. Prof, Tuan, Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Dalam konteks inilah, seminar yang kita adakan hari ini menjadi medan yang tepat pada masanya.

Tema Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 ialah **“Memperkasa Golongan Muda untuk Membentuk Keluarga yang Mereka Inginkan dalam Dunia yang Adil dan Penuh Harapan”**. Tema ini bertepatan dengan situasi di Kelantan, kerana ia menyeru kepada dasar dan ekosistem yang menyokong anak muda muda membina keluarga yang stabil dan sejahtera.

Bagi peringkat negeri, tema **“Fenomena Penuaan Penduduk dan Kemiskinan di Kalangan Warga”** diangkat sebagai pengiktirafan bahawa cabaran penuaan penduduk adalah kesan langsung daripada trend penurunan kesuburan.

Sepanjang hari ini, kita telah mendengar ucap-tama oleh Pengarah INSPEK, YBrs. Prof Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail yang membuka landasan pemikiran kepada isu kemiskinan dalam kalangan warga emas di Kelantan.

Ini disusuli pembentangan tiga (3) kertas kerja oleh para pembentang yang berkaliber daripada LPPKN Negeri Kelantan, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan (ICU JPM) serta Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Pembentangan tertumpu kepada situasi

demografi terkini, dasar dan program yang menyokong penuaan serta isu kemiskinan warga emas di negeri ini.

Seterusnya, seminar ini diteruskan dengan sesi forum yang menampilkan tiga (3) ahli panel yang pakar bagi membincangkan isu penuaan dan kemiskinan dalam kalangan warga emas dari pelbagai sudut.

Melalui seminar ini juga, kita dapat memahami dengan lebih jelas bukan sahaja kesan penuaan kepada kesejahteraan warga emas, tetapi juga kepada ekonomi, dasar perbandaran, perancangan keluarga dan kesihatan awam. Inilah input penting yang wajar dijadikan panduan dalam merangka dasar, intervensi dan pelan tindakan negeri yang mapan dan inklusif menyentuh segenap keperluan penduduk, khususnya golongan muda dan warga emas.

PENUTUP

YBhg. *Profesor*, Tuan dan Puan yang dihormati sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaysia Kelantan, khususnya InsPeK, serta semua rakan strategik termasuk Pejabat Pembangunan Persekutuan, KWSP Negeri Kelantan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan, serta Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan atas kerjasama padu yang telah diberikan.

Tidak lupa, ucapan terima kasih saya hулurkan kepada NGO, para peserta, mahasiswa dan mahasiswi UMK, dan setiap individu yang telah menyumbang tenaga, idea serta komitmen demi memastikan kejayaan program ini.

Semoga segala dapatan dan perbincangan hari ini dapat memperluas pemahaman dan kesedaran tentang isu-isu kependudukan, sekaligus menjadi asas kukuh untuk memperkukuh dasar, program, serta strategi pembangunan penduduk dan keluarga di negara kita, khususnya di Negeri Kelantan.

6.0 UCAPAN PERASMIAN

Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam majlis yang amat bermakna ini untuk menyambut **Hari Penduduk Sedunia Tahun 2025, Peringkat Negeri Kelantan.**

Hari ini kita tidak sekadar berkumpul dalam sebuah seminar, tetapi untuk mengangkat satu agenda penting yang akan menentukan hala tuju masa



depan negeri dan negara kita iaitu **cabaran dan peluang dalam menghadapi fenomena penuaan penduduk dan menangani masalah kemiskinan dalam kalangan warga emas**. Saya berdiri di sini bukan sekadar sebagai Naib Canselor sebuah universiti, tetapi juga sebagai seorang anak, ayah dan rakyat Negeri Kelantan yang sangat prihatin terhadap kesejahteraan rakyat termasuklah golongan warga emas yang semakin bertambah bilangannya.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Kelantan, agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, atas usaha berterusan dalam mengetengahkan isu-isu kritikal berkaitan kependudukan, khususnya dalam konteks Negeri Kelantan yang sedang beralih kepada status negeri menua.

Seperti yang kita sedia maklum, tarikh 11 Julai setiap tahun merupakan Hari Penduduk Sedunia, dan sambutan tahun ini amat signifikan kerana kita berada di ambang perubahan besar dalam struktur demografi yang bukan lagi berteraskan penduduk muda, tetapi penduduk berusia yang semakin dominan. Golongan warga emas ini juga lebih mudah terdedah (*vulnerable*) kepada pelbagai masalah termasuk masalah kemiskinan dan masalah kesihatan. Oleh yang demikian, Seminar Kependudukan Negeri Kelantan 2025 kali ini memilih tema “Fenomena Penuaan Penduduk dan Kemiskinan Dalam Kalangan Warga Emas” sebagai fokus utama perbincangan.

ISU DAN CABARAN PENUAAN PENDUDUK DI NEGERI KELANTAN

YBhg. Profesor Dato' Dr., Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Isu penuaan penduduk kini bukan lagi sekadar cabaran mendatang malah ia adalah realiti semasa yang sedang berlaku di depan mata. Sekiranya ia tidak ditangani dengan persediaan yang rapi, ia boleh membawa kepada krisis kesejahteraan rakyat pada masa hadapan. Pertambahan bilangan warga emas serta peratusannya yang semakin meningkat dalam segi komposisi penduduk negara sebenarnya satu cabaran yang besar yang perlu kita hadapi secara serius. Golongan warga emas ini lebih terdedah kepada masalah kesihatan, serta lebih mudah jatuh miskin kerana keadaan tubuh badan mereka yang semakin berusia dan semakin kurang upaya untuk terus

bekerja secara aktif mencari rezeki. Ditambah pula ramai daripada penduduk di Negeri Kelantan bekerja sendiri atau bekerja dalam sektor informal seperti pertanian atau menangkap ikan. Mereka ini tidak dilindungi oleh sistem pencen dan kebiasaannya juga tidak dapat mencarum dalam simpanan persaraan KWSP. Maka, pada usia tua, ekonomi mereka banyak bergantung kepada sumbangan dari anak-anak dan keluarga. Kita perlu beri lebih perhatian untuk memastikan mereka mendapat sokongan sosial dan kewangan yang mencukupi.

Peningkatan kebergantungan warga emas kepada golongan muda juga berpotensi melambatkan pertumbuhan ekonomi kerana sebahagian besar tenaga produktif perlu menampung kos penjagaan keluarga. Lebih membimbangkan, kita juga bakal berhadapan dengan kelompok warga emas yang hidup bersendirian, terpencil dan tidak mempunyai jaringan sokongan yang kuat terutamanya di kawasan luar bandar.

Oleh itu, pendekatan kita tidak boleh bersifat sekadar bersifat reaktif. Kita perlu merangka dasar yang bukan hanya menjaga kesejahteraan warga emas, tetapi turut memperkasakan mereka sebagai aset kepada pembangunan negeri. Warga emas harus dilihat sebagai aset pemegang pengalaman, sumber inspirasi dan penghubung antara generasi.

USAHA UMK DALAM MEMBANTU WARGA EMAS

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) amat prihatin dalam menyantuni dan menjaga kebajikan warga emas. Antara inisiatif yang kami laksanakan adalah seperti:

Sokongan Act of Service pelajar UMK terhadap Warga Emas: Pelajar diberi sokongan untuk melangsungkan hubungan dan kerjasama melalui individu atau melalui universiti kami untuk menjalankan pelbagai program prihatin dengan menyampaikan khidmat dan bantuan kepada golongan warga emas di sekitar Kota Bharu. Terdapat satu siaran video yang telah menjadi tular dan mendapat pujian warga netizen.

Inisiatif Pengurusan UMK terhadap Warga Emas: Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) telah dilaksanakan pejabat TNCAA bagi memastikan sokongan diberikan kepada golongan yang kurang bernasib baik termasuk warga emas. Aktiviti tersebut bertujuan menanam sifat prihatin dan kebertanggungjawaban warga staf UMK terhadap warga emas. Aktiviti tersebut menjadi pemangkin kepada program-program CSR pada masa akan datang selain memberikan keceriaan kepada warga Rumah Seri Kenangan. Semoga program ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara UMK dan komuniti selaras dengan nilai kemanusiaan serta semangat keprihatinan yang tinggi.

Spesifiknya, **inisiatif InsPeK UMK terhadap Warga Emas:** Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan UMK telah menerima kunjungan hormat daripada EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat, Kerajaan Negeri Selangor pada 24 Jun 2025, bertujuan membincangkan potensi kerjasama berkaitan warga emas yang memfokuskan kepada *silver* ekonomi dan program bantuan kepada komuniti yang memerlukan, serta lawatan ke tapak projek InsPeK UMK di Bachok dan Tumpat. Kunjungan hormat tersebut penting untuk kedua-dua pihak bertukar pandangan, berkongsi pengalaman, dan meneroka peluang kerjasama bagi menguruskan kemiskinan secara berimpak lestari.

Inisiatif Penyelidik UMK terhadap Warga Emas: Penyelidik Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah melaksanakan pelbagai kajian berkaitan kesejahteraan warga emas, merangkumi aspek psikososial, kesihatan, dan keusahawanan komuniti. Kepakaran ini bukan sahaja menunjukkan komitmen UMK terhadap pembangunan inklusif, malah membuka peluang kepada penyelidikan lanjutan yang selari dengan teras universiti keusahawanan, khususnya dalam memperkasakan warga emas melalui pendekatan berdaya saing dan lestari

POTENSI HUBUNGAN UMK DENGAN WARGA EMAS

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Dalam masa yang sama, UMK kini mempunyai potensi untuk terlibat lebih aktif dalam isu warga emas ini. Antaranya adalah seperti:

Pemberdayaan Ekonomi Warga Emas: Universiti keusahawanan seperti UMK memberi fokus kepada membina kemahiran dan sokongan bagi warga emas menjana pendapatan melalui aktiviti ekonomi mikro seperti kraftangan, pertanian bandar, atau jualan makanan.

Penyelidikan & Inovasi Sosial: Penyelidik universiti keusahawanan menjalankan kajian untuk menghasilkan model keusahawanan sosial yang sesuai untuk warga emas, yang boleh meningkatkan kualiti hidup dan penglibatan komuniti.

Pendidikan & Latihan: Program latihan keusahawanan untuk warga emas membolehkan mereka terus aktif, menambah pendapatan, dan menyumbang kepada komuniti.

Menyokong Penuaan Aktif: Melalui keusahawanan, warga emas dapat kekal produktif dan berdaya saing, sejajar dengan konsep penuaan aktif yang disokong WHO dan dasar kebangsaan.

Menjalankan Pembinaan Kapasiti: Pembinaan kapasiti dilakukan oleh InsPeK UMK melalui model dan amalan terbaik untuk menguruskan kemiskinan secara berimpak lestari dan meningkatkan kesejahteraan.

Menyediakan Pangkalan Data: InsPeK UMK menyediakan pangkalan data melalui sistem iBOX dan pemetaan kemiskinan 360. Melalui sistem ini, data warga emas dapat dikenalpasti dan berpotensi untuk pelaksanaan pembinaan kapasiti.

Pembimbing Perusahaan Sosial dan Perniagaan: Melalui InsPeK UMK juga, pelbagai projek dan program dilaksanakan dalam skop bimbingan perusahaan sosial dan perniagaan. Skop ini berpotensi untuk ditonjolkan untuk kesejahteraan warga emas.

Pembangunan Polisi: UMK berperanan dalam pembangunan polisi mampan dan turut futuristik dalam pembangunan polisi untuk warga emas.

Hab Kolaborasi: UMK berpotensi untuk menjadi hab kolaborasi kerana mempunyai hubungan komuniti yang kukuh dengan agensi kerajaan seperti LPPKN, JKM, serta NGO dan pemimpin masyarakat.

SEMINAR KEPENDUDUKAN NEGERI KELANTAN 2025

Beliau menyatakan topik seminar pada hari ini adalah “Fenomena Penuaan Penduduk dan Kemiskinan Dalam Kalangan Warga Emas”. Ia adalah satu isu yang begitu penting, sebenarnya. Ini kerana negara kita sedang beralih kepada status negara menua akibat perubahan struktur umur penduduk yang ketara. Fenomena ini berpunca daripada penurunan kadar kelahiran yang berpanjangan serta peningkatan jangka hayat penduduk. Data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan bahawa penduduk berusia 60 tahun ke atas di Negeri Kelantan telah mencecah 11.2% pada tahun 2024 dan dijangka meningkat melebihi 15.0% menjelang tahun 2030. Dengan kata lain, menjelang tahun 2030, negara kita, termasuklah Negeri Kelantan ini, akan mula mencapai status negara menua.

Penuaan penduduk di Negeri Kelantan menuntut perhatian serius kerana ia membawa pelbagai implikasi termasuk peningkatan kebergantungan warga emas terhadap sistem kesihatan, sosial dan ekonomi. Antara indikator yang ketara ialah penurunan kadar kelahiran yang menyumbang kepada penyusutan kumpulan umur muda, sekali gus menjejaskan kestabilan bekalan tenaga kerja dan meningkatkan kos dari segi perkhidmatan dan penjagaan terhadap warga emas.

Peningkatan bilangan warga emas turut memberi kesan kepada struktur isi rumah dan komuniti. Lebih ramai golongan tua tinggal bersendirian atau memerlukan sokongan penjagaan jangka panjang, sekali gus menimbulkan keperluan kepada dasar penjagaan komuniti yang lebih responsif dan mesra warga emas.

Satu lagi isu khusus yang menjadi perhatian kami dalam seminar ini adalah isu kemiskinan di kalangan warga emas. Dalam hal ini, warga emas di Negeri Kelantan antara yang sangat terkesan kerana ramai daripada warga emas terdiri dari kalangan yang bekerja sendiri seperti petani, nelayan, penoreh getah yang memang tiada skim

pencen untuk menyara kehidupan mereka pada usia tua. Maka, kebanyakan dari mereka sangat bergantung kepada bantuan kewangan daripada anak-anak dan skim bantuan sosial yang lain.

Sehubungan itu, adalah tepat pada masanya seminar ini diadakan bagi membincangkan langkah-langkah dan dasar-dasar yang boleh digembleng bagi menyediakan Negeri Kelantan dalam menghadapi fasa penuaan ini secara terancang dan mapan. Pelan perancangan dan pelaksanaan perlu digerakkan secara menyeluruh dalam isu penjagaan warga emas secara bersepadu.

Saya percaya, dengan panel jemputan yang berpengalaman melalui sesi forum yang diadakan sebentar tadi, boleh dijadikan input utama bagi penggubalan dasar dan pembangunan program intervensi bersesuaian berkaitan penuaan penduduk di Negeri Kelantan.

HARAPAN DAN SERUAN

Dalam menghadapi realiti masyarakat menua, peranan institusi keluarga kekal sebagai asas paling penting dalam membina ketahanan sosial. Keluarga bukan sekadar tempat berlindung, tetapi wadah pertama yang menyemai nilai hormat kepada orang tua, kasih sayang merentas generasi dan sokongan antara satu sama lain. Justeru itu, dalam dunia yang semakin kompleks dan pantas berubah dengan tekanan ekonomi, ledakan digital dan perubahan nilai sosial, kita perlu menyediakan sistem sokongan yang komprehensif kepada institusi keluarga.

Saya yakin dan percaya, dengan adanya kerjasama strategik antara pihak Kerajaan, agensi persekutuan dan negeri, ahli akademik, pihak swasta dan masyarakat umum, kita mampu membina Negeri Kelantan sebagai model negeri sejahtera yang bukan sahaja prihatin terhadap anak muda dan keluarga muda, tetapi juga memberikan penghormatan dan tempat yang sewajarnya kepada warga emas. Kita ingin melihat generasi tua hidup dengan bermaruah, dihargai, dan terus menyumbang dalam kapasiti mereka.

PENUTUP

Seminar hari ini bukan penamat, tetapi permulaan kepada satu gerakan yang lebih besar. Gerakan untuk memahami realiti demografi kita dan bertindak dari sekarang. Bukan hanya merancang masa depan yang lebih baik untuk anak cucu kita, tetapi juga menyantuni dan menyediakan prasarana yang cukup untuk kehidupan warga emas yang berkualiti.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan strategik yang menjayakan seminar ini terutamanya LPPKN Negeri Kelantan, Pejabat Pembangunan Pesekutuan Negeri Kelantan, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Jabatan kebajikan Masyarakat, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Negeri Kelantan, para NGO, ahli akademik serta semua peserta yang sudi hadir dan menyumbang idea. Komitmen tuan-tuan dan puan-puan menjadi bukti kesungguhan kita untuk membina masa depan yang lebih sejahtera buat seluruh rakyat Negeri Kelantan.

Terima kasih juga kepada semua hadirin dari pelbagai latar belakang. Kehadiran anda menggambarkan satu tekad bersama untuk menjadikan isu penduduk, penuaan dan keluarga sebagai agenda utama pembangunan negeri. Marilah kita terus berganding bahu dan bergerak sederap menuju Negeri Kelantan yang makmur dan sejahtera untuk semua peringkat umur.

Sebagai penutup, izinkan saya kongsi serangkap pantun:

**Buah cempedak di luar pagar,
Ambil galah tolong jolokkan.
Sayangi warga tua yang bersabar,
Hidup berkat Tuhan mudahkan.**

**Tua dihormati, muda disayang,
Hidup harmoni sejahtera desa;
Semoga Kelantan terus gemilang,
Dari muda hingga ke usia tua.**

Dengan penuh kesyukuran dan iltizam, serta dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Sambutan Hari Penduduk Sedunia Peringkat Negeri Kelantan Tahun 2025**. Sekian, wabillahitaufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

7.0 CADANGAN KEPADA KERAJAAN NEGERI KELANTAN DAN PIHAK BERKEPENTINGAN

7.1 Menggubal Pelan Tindakan Negeri Menangani Penuaan Penduduk

Kerajaan Negeri disarankan menggubal Pelan Tindakan Penuaan Penduduk Negeri Kelantan yang komprehensif merangkumi aspek kesihatan, perlindungan sosial, perumahan, pekerjaan, keselamatan kewangan dan sokongan psikososial. Pelan ini wajar diselaraskan dengan Dasar Warga Emas Negara serta mengambil kira realiti sosioekonomi Kelantan yang didominasi sektor informal.

7.2 Memperkukuh Perlindungan Sosial dan Bantuan Bersasar Warga Emas

Kerajaan Negeri disaran memperkukuh jaringan perlindungan sosial warga emas melalui:

- Penambahbaikan dan penyelarasan bantuan kewangan negeri dan persekutuan.
- Penggunaan data bersepadu (contohnya e-Kasih, JKM, InsPeK UMK) bagi memastikan bantuan sampai kepada warga emas yang benar-benar memerlukan.
- Pembangunan pakej bantuan holistik yang menggabungkan bantuan kewangan, penjagaan kesihatan dan sokongan psikososal.

7.3 Memperluas Program Penuaan Aktif dan Pemberdayaan Ekonomi Warga Emas

Kerajaan Negeri digalakkan:

- Menyokong program penuaan aktif melalui latihan kemahiran, keusahawanan mikro dan ekonomi perak (silver economy).

- Bekerjasama dengan universiti seperti UMK dan agensi berkaitan untuk melaksanakan latihan keusahawanan, pertanian bandar, kraftangan dan perniagaan kecil yang sesuai dengan kemampuan warga emas.
- Menggalakkan penglibatan warga emas yang masih berupaya sebagai mentor, sukarelawan dan penyumbang komuniti

7.4 Memperkasa Literasi Kewangan dan Perlindungan Daripada Jenayah Kewangan

Sejajar dengan peningkatan kes penipuan kewangan melibatkan warga emas, Kerajaan Negeri dicadang:

- Melaksanakan program literasi kewangan dan keselamatan digital khusus untuk warga emas.
- Bekerjasama dengan KWSP, institusi kewangan dan pihak keselamatan bagi meningkatkan kesedaran tentang modus operandi scam.
- Menginstitusikan kempen perlindungan warga emas di peringkat komuniti, masjid dan pusat warga emas

7.5 Memperkukuh Peranan Komuniti dan Institusi Kekeluargaan

Kerajaan Negeri disaran memperkukuh ekosistem sokongan komuniti melalui:

- Pengaktifan peranan masjid, surau, penghulu, NGO dan persatuan penduduk dalam program ziarah, sokongan emosi dan pemantauan warga emas sebatang kara.
- Menggalakkan konsep masyarakat penyayang dan tanggungjawab keluarga selaras dengan nilai budaya dan agama masyarakat Kelantan.
- Mewujudkan lebih banyak pusat aktiviti warga emas yang berfungsi sebagai hab sosial, kesihatan dan kerohanian




7.6 Memantapkan Kerjasama Strategik Antara Agensi

Kerajaan Negeri dicadang memperkukuh kerjasama strategik antara agensi negeri, persekutuan, institusi akademik dan NGO bagi:

- Perkongsian data dan penyelidikan berkaitan penuaan dan kemiskinan.
- Pelaksanaan program perintis (pilot project) penjagaan komuniti warga emas.
- Pemantauan dan penilaian impak dasar dan program secara berterusan

8.0 MAKLUM BALAS PESERTA

MAKLUM BALAS PESERTA PROGRAM SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025 PERINGKAT NEGERI KELANTAN



MAKLUM BALAS PESERTA PROGRAM SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025 PERINGKAT NEGERI KELANTAN

